

# Meningkatkan tahap profesional

BH 19.10.2007 M69

Oleh Jami'ah Shukri

**P**ERHUBUNGAN Awam adalah antara cabang profesion terpenting di negara ini. Perannya turut memberi sumbangan besar ke arah meningkatkan kredibiliti dan imej sesebuah syarikat atau organisasi.

Untuk menjadi pengamal perhubungan awam yang baik tidak saja memerlukan kemahiran dan pengetahuan tinggi, malah ia perlu berperanan bagi mengukuhkan sistem penyebaran bahan berita mengenai pelbagai aktiviti syarikat dan organisasinya disiarkan di media. Mereka perlu mengadakan hubungan dan kerjasama dengan pihak media.

Namun, pelbagai cabaran pada masa ini dan depan pasti ditempuhi dan menuntut pengetahuan serta idea baru seiring dengan peredaran globalisasi.

Justeru, pengamal perlu lebih bersedia menghadapi sebarang cabaran itu. Bagi Institut Perhubungan Raya Malaysia (IPRM) sebuah pertubuhan profesional dalam bidang berkaitan mempunyai perancangan dalam menghadapi situasi itu.

Sudah tiba dan tepat masanya, IPRM menganjurkan persidangan untuk meningkatkan tahap profesionalisme bidang berkenaan. Lantaran, IPRM menganjurkan persidangan antarabangsa bertajuk 'Membawa Pemikiran Global Perhubungan Awam

Ke Malaysia', di KL Hilton, pada 4 hingga 6 November depan.

Presidennya, Shameem Abdul Jalil, berkata persidangan itu adalah sebahagian daripada inisiatif IPRM untuk membantu meningkatkan tahap profesionalisme bidang perhubungan awam di negara ini setanding negara maju.

Persidangan tiga hari yang turut dihadiri Penaung IPRM, Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah itu akan membariskan ahli akademik serta profesional terkemuka dalam dan luar negara untuk berkongsi idea, pengetahuan dan pengalaman dalam industri berkenaan.

IPRM menggariskan enam objektif relevan mengadakan persidangan berkenaan, iaitu:

- Keberkesanan show case dan kejayaan program perhubungan awam dan inisiatif

- Menghuraikan strategi perhubungan awam yang dapat membantu perhubungan antara organisasi dan audien sasaran

- Mempromosi dan meningkat kesedaran mengenai kepentingan industri perhubungan awam pada masa kini

- Membincangkan trend yang wujud dalam perhubungan awam

- Menyediakan strategi penyatuan yang kukuh antara pengamal perhubungan awam di Malaysia dan antarabangsa

- Menonjolkan potensi cabaran se-

masa dalam menghadapi pengamal perhubungan awam pada abad ke 21.

Shameem berkata, antara topik utama dalam perbincangan itu ialah berkaitan etika, kepercayaan, ketelusan dan tadbir urus korporat, isu dan krisis pengurusan, tanggungjawab sosial korporat, perhubungan antara pelabur, teknologi dan sosial media.

"Publisiti adalah secara semula jadi, satu daripada komponen penting di dalam profesion perhubungan awam ini adalah bidang kuasa. Bagaimanapun perhubungan awam juga penting sebagai penyokong kepada majlis untuk perniagaan, syarikat dan organisasi.

"Malah, kebanyakan organisasi dan jabatan korporat komunikasi sekarang menyediakan perkhidmatan komunikasi sepenuhnya.

**“IPRM juga menyediakan seminar, latihan kepada ahli dan bukan ahli, selain mengadakan penyelidikan serta aktiviti berkaitan perhubungan awam”**

**Shameem Abdul Jalil**  
Presiden IPRM

# nalisme perhubungan awam

"IPRM berharap dengan adanya persidangan antarabangsa ini ia membantu meningkatkan kesedaran kepada pemimpin dalam industri berkenaan terhadap perkara itu," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengalu-alukan kepada semua pengamal perhubungan awam di seluruh negara supaya mengambil peluang itu untuk menyertai seminar berkenaan.

Persidangan itu adalah satu forum yang unik kerana ia membolehkan pelbagai pihak berkongsi idea dan pengetahuan dalam bidang itu dan perkara baru pada masa depan.

Kali pertama persidangan seumpamanya diadakan pada 1994. Bagaimanapun, persidangan kali ini dijangka lebih hebat kerana penceramah terdiri daripada profesional terkemuka dalam bidang berkaitan yang didatangkan khas daripada lima benua termasuk Australia (Prof Stephen Quinn, Deakin University); Perunding Kanan, Patrick Alvares (Perancis); Prof abofaz Beheshti, dari International Relations and Energy Economy (Iran); Pengarah Komunikasi, Central Bank Uganda, Juma Yusuf K Walusimbi; Pengarah Bradley O'Mahoney Perhubungan Awam United Kingdom dan Dekan Komunikasi United Arab Bersatu, Ajit Menon.

Penceramah daripada Malaysia pula ialah Ketua Eksekutif Minority Shareholder Watchdog Group, Abdul Wahab Jaafar Sidek; Pengarah South East

Asia, Web Guru Asia, Malaysia, Mr Jess Zweig; Pengarah Urusan, OWW Consulting, Dr Gepffery Williams; Prof Bersekutu Perhubungan Awam, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr Kiranjit Kaur; Pengerusi Eksekutif Perhubungan Awam, Aisha Rashid.

Persidangan dijangka dihadiri kira-kira 300 peserta diharap dapat meningkatkan kesedaran terhadap pengamal perhubungan awam bahawa profesion itu begitu penting dalam sesebuah organisasi. Mereka tidak saja perlu bijak dalam tadbir urus korporat, tetapi juga dilengkapi fikiran positif dan bertanggungjawab dalam meningkatkan nama dan imej sesebuah syarikat.

Shameen yang juga Pengarah Korporat Komunikasi Perhubungan Perniagaan Public Investment Bank berkata, disebabkan kepentingan terhadap profesion itu pada mata masyarakat sewajarnya pengamal perhubungan akan menyertai sebagai ahli IPRM.

Oleh itu, pihaknya menggalakkan pengamal perhubungan awam supaya mendaftar dengan IPRM kerana banyak manfaat diperoleh dalam meningkatkan mutu dan profesion mereka.

Ketika ini, kira-kira 15,000 pengamal perhubungan awam di seluruh negara dan hanya 950 saja menjadi ahli IPRM. Pelbagai program disediakan IPRM sejak penubuhannya

1962 lalu, termasuk kursus meningkatkan tahap profesionalisme pengamal perhubungan awam supaya sebanding dengan negara maju.

Antara objektif penubuhan IPRM juga memberi nasihat, menyediakan maklumat dan mencetuskan peluang perbincangan dalam semua aspek berkaitan perhubungan awam.

"IPRM juga menyediakan seminar, latihan kepada ahli dan bukan ahli, selain mengadakan penyelidikan serta aktiviti berkaitan perhubungan awam. Sejak setahun lalu, institut itu menyediakan latihan dan pembangunan kepada pengamal perhubungan awam untuk sektor swasta dan awam," katanya.

Sejak 1990-an, IPRM mewujudkan Anugerah Kristal IPRM bagi mengiktiraf projek terbaik berkaitan perhubungan awam di negara ini. Pada persidangan itu, pihaknya akan memberikan anugerah sama kepada syarikat terbaik dalam sembilan kategori dalam mengendalikan projek tertentu.

Mereka yang berminat menyertai persidangan itu boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan melayari laman web [iprm.org.my](http://iprm.org.my) atau menghubungi Pengerusi Jawatankuasa Organisasi dan Pengarah Urusan Russ Consulting, Rasila Hamzah di talian 03-23000795 atau 012-6888620.

Bayaran persidangan itu ialah RM1,950 (diskaun 20 peratus diberi kepada ahli IPRM); ahli akademik (RM500) dan pelajar (RM300).